

SOALAN NO.: 60

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN
KAWASAN : TANJONG MALIM

SOALAN:

YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJONG MALIM) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina sebuah jalan susur keluar simpang bertingkat di bahagian Lebuh Raya Utara-Selatan yang berhampiran dengan Bandar Proton untuk menampung keperluan pembangunan yang semakin pesat di kawasan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan setakat ini tiada perancangan untuk membina persimpangan bertingkat yang baru dari Lebuhraya Utara – Selatan (PLUS) ke Bandar Proton di Tanjung Malim. Cadangan persimpangan bertingkat baru ini (Bandar Proton) tidak termasuk dalam skop perjanjian konsesi PLUS. Pada masa kini pengguna boleh menggunakan akses PLUS di persimpangan bertingkat Tanjung Malim (exit 121) dan persimpangan bertingkat Behrang (exit 124) untuk ke Bandar Proton dengan mudah dan selesa.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a. jumlah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Guru) mengikut opsyen yang akan bersara pada tahun 2014 ini; dan
- b. jumlah pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (guru) yang baru bagi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Siswazah (ISMP) IPTA mengikut opsyen pada tahun 2014 ini setelah mereka ditemuduga pada bulan Januari hingga Mac yang lalu.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jumlah Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Guru) mengikut opsyen yang akan bersara pada tahun 2014 adalah seramai 6,048 orang.
- (b) Jumlah pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah bagi graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Siswazah (ISMP) IPTA yang telah ditemuduga pada Januari hingga Mac 2014 adalah berjumlah 2,733 orang. Pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (guru) ISMP yang baru adalah berdasarkan kepada keperluan opsyen dan kekosongan jawatan ketika ini iaitu bagi opsyen:
 - i) Bahasa Inggeris,

- ii) Bahasa Melayu,
- iii) Ekonomi Rumah Tangga,
- iv) Geografi,
- v) Kemahiran Hidup,
- vi) Kesusastraan Melayu,
- vii) Pendidikan Islam,
- viii) Pendidikan Jasmani & Kesihatan,
- ix) Pendidikan Moral,
- x) Pengajian Al Quran,
- xi) Pengajian Malaysia,
- xii) Pendidikan Teknik & Vokasional,
- xiii) Sains,
- xiv) Sains Pertanian,
- xv) Sejarah
- xvi) Pendidikan Seni Visual.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI
MOHAMAD [LIPIS]**

SOALAN : 6362

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Mohamad [Lipis] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan:**

- (a) adakah punca penggunaan cermin gelap pemilik kenderaan kereta di negara ini menjadi faktor utama peningkatan kadar kemalangan di Malaysia; dan
- (b) jika ada, berapakah angka sebenar punca cermin gelap yang boleh dikaitkan dengan peningkatan kadar kemalangan jalan raya di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod kemalangan daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM), tiada bukti yang mengaitkan penggunaan cermin gelap sebagai faktor berlakunya kemalangan jalan raya di Malaysia. Setakat ini, tiada kajian khusus yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Jalan Raya Malaysia (MIROS) berhubung kaitan penggunaan cermin gelap dengan kemalangan jalan raya.

Walau bagaimanapun, kajian antarabangsa menunjukkan bahawa penurunan kadar ketelusan cahaya (*Visible Light Transmittance - VLT*) bagi cermin hadapan dan sisi pemandu akan memberi kesan terhadap *visibility* pemanduan (pemandu kenderaan dan pengguna jalan raya), interaksi pemanduan dan *response time* terutamanya pemandu yang telah lanjut usia. Mengambilkira perkara tersebut, kebanyakan negara-negara luar menetapkan kadar VLT 70% -75% bagi cermin hadapan dan sisi pemandu dalam memastikan tahap *visibility* pemandu tidak terganggu.